Federation of Malysia

☞ EDICT OF GOVERNMENT ☜

In order to promote public education and public safety, equal justice for all, a better informed citizenry, the rule of law, world trade and world peace, this legal document is hereby made available on a noncommercial basis, as it is the right of all humans to know and speak the laws that govern them.

MS 2200-1 (2008) (Malaysian): BARANG GUNAAN ISLAM - BAHAGIAN 1: KOSMETIK DAN DANDANAN DIRI - GARIS PANDUAN UMUM



BLANK PAGE







MALAYSIAN STANDARD

MS 2200: BAHAGIAN 1:2008

BARANG GUNAAN ISLAM - BAHAGIAN 1: KOSMETIK DAN DANDANAN DIRI - GARIS PANDUAN UMUM

ICS: 71.100.70

Perihal: halal, barang gunaan, garis panduan umum

JABATAN STANDARD MALAYSIA

PEMBANGUNAN *MALAYSIAN STANDARD*

Jabatan Standard Malaysia (STANDARDS MALAYSIA) ialah badan standard dan akreditasi kebangsaan.

Fungsi utama Jabatan Standard Malaysia adalah untuk merangsang dan menggalakkan standard, penstandardan dan akreditasi sebagai cara bagi memajukan ekonomi negara, menggalakkan kecekapan dan pembangunan industri yang bermanfaat kepada kesihatan dan keselamatan awam, melindungi pengguna, memudahkan perdagangan dalam negeri dan antarabangsa serta melanjutkan kerjasama antarabangsa berhubung dengan standard dan penstandardan.

Malaysian Standard (MS) dibangunkan melalui sepersetujuan jawatankuasa-jawatankuasa yang dianggotai oleh perwakilan yang seimbang daripada pengeluar, pengguna dan pihak lain yang kepentingannya relevan, sebagaimana yang sesuai dengan perkara yang sedang diusahakan. *Malaysian Standard* adalah sejajar atau diterima guna daripada standard antarabangsa, seboleh mungkin. Kelulusan sesuatu standard sebagai *Malaysian Standard* ditentukan oleh Akta Standard Malaysia 1996 [Akta 549]. *Malaysian Standard* dikaji semula secara berkala. Penggunaan *Malaysian Standard* adalah secara sukarela, melainkan diwajibkan oleh pihak berkuasa yang mengawal selia melalui peraturan, undang-undang kecil tempatan atau apa-apa cara lain yang serupa.

Jabatan Standard Malaysia melantik **SIRIM Berhad** sebagai ejen bagi membangunkan *Malaysian Standard*. Jabatan itu juga melantik SIRIM Berhad sebagai ejen pengedaran dan penjualan *Malaysian Standard*.

Untuk maklumat lanjut berkaitan dengan *Malaysian Standard*, sila hubungi:

Jabatan Standard Malaysia
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 1 & 2, Blok 2300, Century Square
Jalan Usahawan
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Tel.: 60 3 8318 0002
Faks: 60 3 8319 3131
http://www.standardsmalaysia.gov.my

E-mel: central@standardsmalaysia.gov.my

ATAU

SIRIM Berhad
(Company No. 367474-V)
1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2
40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Tel.: 60 3 5544 6000
Faks: 60 3 5510 8095
http://www.sirim.my

E-mel: msonline@sirim.my

KANDUNGAN

Ahli jawatankuasa

Pembangunan Standard Malaysia ini adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Standard Perindustrian bagi Standard Halal (ISC I) yang dianggotai oleh wakil-wakil dari organisasi-organisasi berikut:

Institut Kefahaman Islam Malaysia
Institut Kualiti Malaysia
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Standard Malaysia
Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Kementerian Kesihatan Malaysia (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan)
Kementerian Kesihatan Malaysia (Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan)
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia
Persatuan Pengguna Islam Malaysia
Persatuan Pengguna-pengguna Standard Malaysia

Jawatankuasa Teknikal bagi Makanan Halal dan Barang Gunaan Islam yang membangunkan Standard Malaysia ini terdiri daripada wakil-wakil dari organisasi-organisasi berikut:

Institut Kefahaman Islam Malaysia
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Pertanian Malaysia
Kastam Diraja Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan)
Kementerian Kesihatan Malaysia (Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan)
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
Persatuan Pengguna Islam Malaysia
Persatuan Pengguna-pengguna Standard Malaysia
Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia
SIRIM Berhad (Pusat Teknologi Alam Sekitar dan Bioproses)
SIRIM Berhad (Sekretariat)
SIRIM QAS International Sdn Bhd (Seksyen Kimia Konsumer)
SIRIM QAS International Sdn Bhd (Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan)
The Cosmetic, Toiletry and Fragrance Association of Malaysia
Universiti Kebangsaan Malaysia
Universiti Putra Malaysia
Universiti Teknologi MARA

PRAKATA

Standard Malaysia ini dibangunkan oleh Jawatankuasa Teknikal bagi Makanan Halal dan Barang Gunaan Islam di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Standard Perindustrian Standard Halal.

Standard ini adalah yang pertama dihasil di dalam siri standard halal bagi barang gunaan Islam.

Versi bahasa Malaysia ini adalah terjemahan daripada versi asal di dalam bahasa Inggeris iaitu, *Islamic consumer goods - Part 1: Cosmetic and personal care - General guidelines.* Jika terdapat sebarang pertikaian semasa penggunaan standard ini, versi bahasa Inggeris adalah dirujuk.

Pematuhan ke atas Standard Malaysia ini tidak bermaksud mendapat imuniti dari sebarang keperluan undang-undang.

BARANG GUNAAN ISLAM - BAHAGIAN 1: KOSMETIK DAN DANDANAN DIRI - GARIS PANDUAN UMUM

1. Skop

Standard Malaysia ini mengandungi garis-garis panduan yang praktikal bagi industri kosmetik dan dandanan diri Halal. Ia bertujuan menyediakan peraturan asas bagi produk kosmetik dan dandanan diri serta perdagangan atau perniagaan di Malaysia. Standard ini digalakkan untuk digunakan bersama-sama dengan *Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia* dan *Guidelines on Cosmetic Good Manufacturing Practice,* National Pharmaceutical Control Bureau.

NOTA. Standard ini tidak mengandungi semua keperluan yang mungkin diperlukan untuk pensijilan. Pensijilan halal boleh diperolehi daripada pihak berkuasa Hal Ehwal Islam di Malaysia.

2. Rujukan-rujukan normatif

Rujukan normatif berikut adalah penting bagi penggunaan standard ini. Bagi rujukan bertarikh, hanya edisi yang disebutkan akan digunakan. Bagi rujukan tanpa tarikh, edisi terkini bagi rujukan normatif (termasuk sebarang perubahan) digunapakai.

MS 1500, *Makanan halal - Pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan - Garis panduan umum*

Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia, National Pharmaceutical Control Bureau

Guidelines on Cosmetic Good Manufacturing Practice, National Pharmaceutical Control Bureau

3. Definisi

Bagi tujuan standard ini, definisi-definisi berikut adalah digunapakai.

3.1 Halal

Perkara atau perbuatan yang dibenarkan oleh hukum Syarak.

3.2 Hukum Syarak

3.2.1 Hukum Syarak ialah perintah Allah yang berkait dengan perbuatan orang dipertanggungjawapkan atau *mukallaf* secara tuntutan, pilihan atau *al wadh'u**.

* *Al wadh'u adalah menjadikan sesuatu sebagai syarat untuk melaksanakan hukum syarak yang lain seperti masuk waktu sebagai syarat sah sembahyang.*

3.2.2 Berdasarkan kepada perundangan Malaysia, hukum Syarak bermakna undang-undang Islam dalam Mazhab Shafie atau undang-undang Islam dalam mana-mana satu Mazhab sama ada Maliki, Hambali dan Hanafi yang telah dipersetujui oleh Yang di-Pertuan Agong dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan atau oleh Raja atau Sultan bagi mana-mana negeri dikuatkuasakan dalam negeri itu atau fatwa yang disahkan oleh pihak yang berkuasa mengenai Agama Islam.

3.3 Kosmetik dan dandanan diri

Kosmetik dan produk dandanan diri adalah bahan dan sediaan yang dibuat untuk bersentuhan dengan pelbagai bahagian luaran badan (epidermis, rambut, kuku, bibir dan organ sulit luaran) atau pada gigi dan saluran mukus di mulut. Ini bertujuan semata-mata untuk membersih, mewangikan, merubah penampilan dan/atau membaiki bau badan dan/atau melindunginya atau memeliharanya dalam keadaan yang baik.

Produk ini bukan bertujuan untuk merawat atau mencegah penyakit.

3.4 Kosmetik dan dandanan diri halal

Produk kosmetik dan produk dandanan diri yang halal, termasuk aksesorinya, adalah produk yang dibenarkan oleh hukum Syarak serta menepati ciri-ciri berikut:

a) bukan terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau bahan daripada anggota manusia atau terbitan daripadanya;

b) bukan terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahan daripada haiwan yang orang Islam dilarang oleh hukum Syarak menggunakannya atau memakannya ataupun tidak disembelih mengikut hukum Syarak;

c) tidak mengandungi apa-apa bahan atau bahan terubahsuai genetik (GMO) yang dihukum sebagai najis mengikut hukum Syarak;

d) tidak disedia, diproses, dikilang atau disimpan dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas daripada bahan-bahan najis mengikut hukum Syarak;

e) apabila menyedia, memproses atau mengilang produk tersebut, tidak bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa bahan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak perenggan a), b), c) atau d); dan

f) tidak memudaratkan pengguna atau pemakainya.

3.5 Najis

3.5.1 Najis menurut hukum Syarak adalah:

a) haiwan atau benda yang dilarang oleh Islam seperti anjing dan babi (khinzir) dan terbitan daripadanya, darah dan bangkai;

b) bahan halal yang dicemari oleh bahan yang najis;

c) bahan halal yang bersentuhan dengan bahan-bahan yang najis;

d) sebarang cecair atau objek yang keluar dari rongga manusia atau haiwan seperti air kencing, uri, tahi, darah, muntah dan nanah; dan

NOTA. susu, sperma dan ovum manusia dan haiwan, kecuali anjing dan babi, adalah tidak najis

e) bangkai haiwan atau haiwan halal yang tidak disembelih mengikut hukum Syarak.

3.5.2 Terdapat tiga jenis najis:

a) *mughallazah* adalah najis berat iaitu anjing dan babi (khinzir) termasuk sebarang cecair atau objek yang keluar daripada rongga anjing dan babi (khinzir), keturunannya dan terbitan daripadanya;

b) *mukhaffafah* adalah najis ringan. Najis yang berada di dalam kategori ini hanyalah air kencing bayi lelaki berusia dua tahun dan ke bawah yang tidak mengambil apa-apa makanan lain kecuali susu ibunya sahaja; dan

c) *mutawassitah* adalah najis pertengahan yang tidak termasuk di dalam kategori najis berat atau najis ringan seperti muntah, nanah, darah, arak, bangkai, cecair dan objek yang keluar daripada rongga dan sebagainya.

4. Keperluan

4.1 Sumber-sumber bahan kosmetik dan dandanan diri yang halal

4.1.1 Haiwan darat dan air

4.1.1.1 Sumber bahan kosmetik dan dandanan diri yang diambil daripada haiwan darat yang halal dimakan dan disembelih mengikut hukum Syarak adalah halal. Sumber daripada bulu, rambut dan seumpamanya daripada haiwan darat yang halal dimakan jika diambil semasa haiwan masih hidup adalah halal.

4.1.1.2 Sumber bahan kosmetik dan dandanan diri yang diambil daripada telur haiwan yang tidak najis adalah halal.

4.1.1.3 Semua haiwan air yang halal dimakan boleh dijadikan sumber bahan kosmetik dan dandanan diri.

4.1.2 Tumbuh-tumbuhan dan mikroorganisma

Sumber tumbuh-tumbuhan dan mikroorganisma di darat, udara dan air, hasilnya adalah halal digunakan, kecuali yang berbahaya dan/atau najis.

4.1.3 Tanah dan air

Semua sumber tanah dan air dan hasilnya (termasuk bahan-bahan galian) adalah halal digunakan kecuali yang berbahaya dan/atau bercampur dengan bahan-bahan yang najis.

4.1.4 Alkohol

Bahan kosmetik dan dandanan diri yang ada kandungan alkohol kecuali alcohol yang memabukkan (*khamar)* adalah harus.

4.1.5 Sintetik

Bahan kosmetik dan dandanan diri yang dihasilkan secara sintetik adalah halal kecuali yang berbahaya dan/atau bercampur dengan bahan-bahan yang najis.

4.2 Aspek kebersihan dalam penyediaan dan pengendalian bahan atau produk kosmetik

4.2.1 Kebersihan adalah meliputi aspek-aspek kebersihan diri, pakaian, peralatan dan premis pemprosesan bahan atau produk kosmetik dan dandanan diri.

4.2.2 Kebersihan boleh diertikan sebagai bebas daripada najis, kotoran, mikroorganisma dan bahan pencemar yang memudaratkan. Pekerja dan pelawat dimestikan memakai pakaian serta digalakkan menggunakan peralatan yang dikhaskan selaras dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa seperti Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK).

4.3 Aspek-aspek lain dalam penyediaan bahan kosmetik dan dandanan diri

Dalam penyediaan bahan kosmetik dan dandanan diri, aspek-aspek lain yang terkandung di dalam *Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia* dan *Guidelines on Cosmetic Good Manufacturing Practice,* National Pharmaceutical Control Bureau perlu juga dipatuhi.

4.4 Pemprosesan, pengendalian dan pengedaran produk

Semua bahan kosmetik dan dandanan diri adalah halal sekiranya ia menepati syarat-syarat berikut:

a) aliran pemprosesan (*processing line)*, peralatan dan perkakas mestikan khusus untuk pengeluaran halal sahaja;

b) produk atau ramuannya tidak mengandungi bahagian atau produk daripada haiwan yang tidak halal mengikut hukum Syarak atau produk daripada haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum Syarak;

c) produk itu tidak mengandungi walau sedikitpun bahan-bahan yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak;

d) produk atau ramuannya adalah selamat dan tidak memudaratkan;

e) produk tersebut disedia, diproses dan dikilang menggunakan peralatan dan kemudahan yang bebas daripada dicemari oleh najis; dan

f) semasa penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan atau pengangkutan, ia hendaklah diasingkan sepenuhnya daripada makanan yang tidak menepati syarat-syarat yang dinyatakan dalam butiran a), b), c) d) dan/atau e) atau segala apa perkara yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak.

4.5 Peralatan, perkakas, mesin dan bahan bantuan pemprosesan

4.5.1 Peralatan, perkakas, mesin dan bahan bantuan pemprosesan yang digunakan untuk memproses bahan kosmetik dan dandanan diri hendaklah tidak dibuat daripada atau tidak mengandungi sebarang bahan yang telah disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak dan hendaklah digunakan bagi bahan kosmetik dan dandanan diri halal sahaja.

4.5.2 Peralatan, perkakas dan mesin yang pernah digunakan atau bersentuhan dengan najis *mughallazah,* hendaklah disamak mengikut hukum Syarak (lihat Lampiran A).

4.5.3 Dalam kes penukaran aliran pemprosesan (*processing lines*) yang melibatkan najis *mughallazah* ke aliran pemprosesan bahan kosmetik dan dandanan diri halal, aliran tersebut hendaklah disamak mengikut hukum Syarak (lihat Lampiran A). Prosidur ini hendaklah diselia dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Islam yang bertauliah. Aliran yang telah ditukarkan hendaklah beroperasi hanya untuk pengeluaran bahan kosmetik dan dandanan diri halal pada setiap masa. Ulangan penukaran aliran tadi ke aliran yang melibatkan najis *mughallazah* dan kemudian berbalik semula ke aliran halal, adalah tidak dibenarkan sama sekali.

4.6 Pembungkusan dan pelabelan

4.6.1 Produk kosmetik dan dandanan diri halal hendaklah dibungkus dengan mematuhi syarat-syarat berikut.

a) bahan pembungkus tidak diperbuat daripada sebarang bahan mentah yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak;

b) ia tidak disedia, diproses atau dikilang menggunakan peralatan yang dicemari oleh bahan yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak;

c) semasa penyediaan, pemprosesan, penyimpanan dan pengangkutannya, ia hendaklah diasingkan secara fizikal daripada bahan lain yang tidak mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam butiran a) atau b) di atas atau mana-mana perkara yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak; dan

d) tidak mengandungi bahan mentah yang memudaratkan kesihatan.

4.6.2 Proses pembungkusan serta perlabelan hendaklah dikendalikan secara bersih dan dengan keadaan sanitasi yang sempurna.

4.6.3 Bahan pelabelan yang digunakan secara bersentuhan terus dengan produk hendaklah tidak berbahaya dan halal.

4.6.4 Setiap bungkusan hendaklah ditanda dengan terang dan jelas serta tidak mudah dipadamkan atau label dilekatkan pada bungkusan tersebut. Maklumat-maklumat yang terkandung pada label tersebut hendaklah selaras dengan keperluan perlabelan di dalam *Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia,* National Pharmaceutical Control Bureau.

4.6.5 Pelabelan dan pengiklanan hendaklah tidak melanggar prinsip-prinsip hukum Syarak serta tidak menonjolkan unsur-unsur tidak sopan yang bertentangan dengan hukum Syarak.

4.7 Keperluan lain

Segala keperluan yang terkandung di dalam MS 1500 juga mesti dipatuhi.

4.8 Keperluan perundangan

Produk tersebut di dalam aspek-aspek lain, hendaklah mematuhi undang-undang termasuk sebarang peraturan yang berkenaan yang berkuatkuasa di Malaysia.

5. Pematuhan

Sesuatu produk dikira memenuhi keperluan standard ini sekiranya ia mematuhi klausa 4 standard ini. Ia hendaklah disahkan melalui pemeriksaan premis/tapak sekiranya difikirkan perlu oleh pihak berkuasa yang bertauliah.

6. Sijil halal

Sijil halal hendaklah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Hal Ehwal Islam yang berkenaan di Malaysia.

7. Tanda pensijilan halal

Setiap produk, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Hal Ehwal Islam yang berkenaan, boleh ditanda dengan tanda pensijilan halal pihak berkuasa berkenaan dengan syarat produk tersebut memenuhi segala keperluan garis panduan standard ini.

Lampiran A
(normatif)

Kaedah samak najis *mughallazah* berdasarkan hukum Syarak

A1. Peraturan umum

Najis, sama ada nyata (*'ainiyah*) atau tidak nyata (hilang atau kering dan sebagainya) dinamakan sebagai *hukmiyah*. Bagi membersihkan najis:

a) hendaklah membasuh tujuh kali, satu daripadanya dengan air yang dicampur dengan tanah;

b) basuhan yang pertama adalah untuk menghilangkan kewujudan najis, walaupun beberapa basuhan diperlukan. Air yang telah digunakan pada basuhan pertama tidak boleh diguna semula dan basuhan seterusnya hendaklah dikira sebagai basuhan kedua; dan

c) tanah yang digunakan hanya setakat cukup untuk menjadikan keladak (*suspension*).

A2. Keadaan tanah

Keadaan tanah yang digunakan adalah:

a) bebas daripada najis;

b) bebas daripada bahan-bahan yang tidak suci atau tercemar oleh bahan asing seperti minyak; dan

c) bukan tanah *musta'mal*, (iaitu yang telah digunakan untuk tayammum) kecuali setelah hujan lebat.

A3. Keadaan air

Keadaan air yang digunakan adalah:

a) *mutlaq*;

b) bukan air *musta'mal*; dan

NOTA. Air *musta'mal* adalah air yang kurang daripada dua kolah (anggaran 270 L) yang telah digunakan untuk bersuci.

c) bebas daripada najis.

Bibliografi

[1] *Garis panduan umum mengenai kawalan obat, kosmetika dan barang gunaan halal* Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS)

[2] *Garis panduan bersama kawalan bahan kosmetik dalam Islam*, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri

Penghargaan

Ahli Jawatankuasa Teknikal bagi Makanan Halal dan Barang Gunaan Islam

Y Bhg Dato' Mustafa Abdul Rahman/ Y Bhg Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Azizi (Pengerusi)	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Puan Zainorni Mohd Janis (Setiausaha)	SIRIM Berhad
Encik Nor Azaruddin Husni Hj Nuruddin/ Encik Muhammad Hisyam Mohamad	Institut Kefahaman Islam Malaysia
Dr Abidin Hamid	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
Encik Che Hassan Pahmi Che Mamat/ Encik Zainal Abidin Jaffar/ Puan Hakimah Mohd Yusoff	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Dr Muhmad Kamarulzaman Muhmad Sarif/ Dr Mohd Razli A Razak	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Puan Zaliha Othman/ Encik Zulkefli Derus	Jabatan Pertanian Malaysia
Encik Mohamad Amin Mohamad/ Encik Abdul Latif Deris	Kastam Diraja Malaysia
Encik Mohd Salim Dulatti/ Puan Sanimah Abd Rahman	Kementerian Kesihatan Malaysia (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan)
Puan Mazli Muhamad/ Encik Abdullah Hisham Ahmad Yahya/ Puan Nik Shamsiah Nik Salleh	Kementerian Kesihatan Malaysia (Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan)
Puan Azura Kifli/ Puan Noraishah Abd Manan	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Encik Saifulbahri Abdul Kadir/ Encik Mohd Fahmi Mohd Azman	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Encik Mohamad Shah Rahmat/ Encik Othman Saad	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Puan Rosnah Ismail/ Dr Salmiah Ahmad	Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Penghargaan*(sambung)*

Y Bhg Dato' Wan Zahidi Wan Teh/ Encik Muhammad Hanif Ab Kadir	Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
Encik Zulkefli Mohamad	Persatuan Pengguna Islam Malaysia
Encik Mohd Yusof Ab. Rahman	Persatuan Pengguna-pengguna Standard Malaysia
Puan Noor Aizah Shazilli	Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia
Encik Ropien Jokiman/ Puan Zulaikha Paidi	SIRIM Berhad (Pusat Teknologi Alam Sekitar dan Bioproses)
Puan Radziah Mohd Daud	SIRIM QAS International Sdn Bhd (Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan)
Puan Kuziah Ahmad	SIRIM QAS International Sdn Bhd (Seksyen Kimia Konsumer)
Puan Hamidah Minhaj	The Cosmetic, Toiletry and Fragrance Association of Malaysia
Prof Madya Dr Mohd Khan Ayub	Universiti Kebangsaan Malaysia
Prof Dr Yaakob Che Man	Universiti Putra Malaysia
Encik Tommy Julianto/ Prof Dr Abu Bakar Abdul Majeed	Universiti Teknologi MARA

Turut memberi penghargaan kepada Ahli Kumpulan Kerja di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Puan Mariam Abd Latif
Encik Jafri Abdullah
Encik Azman Mat Hassan